

SULIT
1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
Ogos/September 2010
Peraturan
Pemarkahan



1103/1

SAMSUDIN BIN SARIF

MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

BAHASA MELAYU

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta BPL(M) MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juga bentuk media.

SKEMA JAWAPAN KARANGAN A (PERCUBAAN 2010)

SKOP : PELABURAN (UNIT 8 TINGKATAN 5)

DIMENSI : DIRI

a. Format : Tiada

b. Diharapkan :

Calon dapat menyatakan kriteria yang menjadi pilihan pembeli untuk memiliki sesebuah rumah.

c. Kemungkinan : Tiada

Perlu diberi perhatian

1. Adakah calon menjawab tugas?
2. Adakah idea calon menjurus ke arah tema?
3. Adakah penggunaan bahasa calon lancar atau tidak?

SKEMA JAWAPAN KARANGAN BAHAGIAN B (PERCUBAAN 2010)

Soalan 1: **Usaha untuk merealisasikan budaya disiplin unggul di sekolah amat penting.**

Jelaskan peranan anda dalam membantu pihak sekolah untuk mencapai hasrat tersebut

SKOP : Ambang Remaja (Unit 2 Tingkatan 4)

Dimensi : Individu/remaja

a. Format : Tiada

b. Diharapkan : Pelajar menjelaskan peranan dirinya untuk membantu pihak sekolah merealisasikan budaya disiplin unggul di sekolah.

c. Kemungkinan :

- i. Pelajar hanya menghuraikan peranan pihak lain(sekolah, masyarakat, pengawas sekolah) (Markah maksimum Kepujian Bawah 51-57)
- ii. Pelajar menghuraikan masalah disiplin yang berlaku di sekolah. (Markah maksimum Kepujian Bawah 51-57)

Soalan 2: **Kejadian kanak-kanak dan remaja hilang daripada pangkuan keluarga semakin menjadi-jadi walaupun usaha-usaha telah diambil oleh pelbagai pihak untuk menanganinya.**

Jelaskan pendapat anda tentang punca-punca dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

SKOP : Ambang Remaja (Unit 2 : Tingkatan 4)

Dimensi : Keluarga

a. Format : Tiada

b. Diharapkan : Calon dapat menghuraikan punca-punca dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.

c. Kemungkinan :

- i. Calon menjelaskan satu aspek sahaja.
(Markah maksimum Baik Atas 58– 65 markah)
- ii. Calon menyentuh sama ada kanak-kanak atau remaja sahaja (markah maksimum kepujian bawah 66– 72 markah)

Soalan 3: **Industri pembuatan makanan halal ialah salah satu usaha kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sebagai pegawai di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, anda dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk ‘Kepentingan Industri Makanan Halal’ kepada pengusaha-pengusaha makanan dalam satu seminar.**

Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.

SKOP: Pendidikan Industri (Unit 6 Tingkatan 5)

Dimensi: Masyarakat

a. Format: Ceramah

- tiada kata alu-aluan -1m
- tiada panggilan hotmat -1m
- tiada penutup -1m
- maksimum 2 markah ditolak.

b. Diharapkan: Calon menyatakan kepentingan industri makanan halal.

c. Kemungkinan:

- i. Calon membincangkan usaha-usaha menghasilkan makanan halal – diterima. (Markah Maksimum Baik Bawah 51-57)

Soalan 4: Kemelesetan ekonomi dunia menjejaskan pembangunan di kebanyakan negara dalam pelbagai aspek.

Ulaskan pernyataan di atas.

SKOP : Pendidikan Industri (Unit 6 Tingkatan 5)

Dimensi : Antarabangsa

a. Format : Tiada

b. Diharapkan : Calon dapat membincangkan kesan-kesan kemelesetan ekonomi terhadap pembangunan sesebuah negara dalam pelbagai aspek.

c. Kemungkinan :

- i. Calon menerangkan punca/langkah dan kesan kemelesetan ekonomi dunia. (Diterima-Markah maksimum kepujian bawah-66-72m)

SOALAN 5: Peribahasa ‘Serumpun bagai serai, selubang bagai tebu’ menggambarkan sikap bersatu hati dalam segala hal.

Bincangkan kelebihan-kelebihan mengamalkan sikap bermuafakat dalam hidup bermasyarakat.

SKOP : Seni Sastra Khazanah Bangsa (Unit 11 Tingkatan 5)

Dimensi : Masyarakat

a. Format : Tiada

b. Diharapkan : Calon dapat menghuraikan kelebihan-kelebihan mengamalkan sikap bermuafakat dalam hidup bermasyarakat

c. Kemungkinan:

- i. Calon langsung tidak memasukkan peribahasa serumpun bagai serai selubang bagai tebu dalam jawapan karangan mereka. (diterima)

SULIT

1103/2

Kertas 2

Ogos/September 2010

Peraturan

Pemarkahan

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

Bahasa Melayu

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta BPL(M) MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk media.

Soalan 1 : Merumuskan Karangan
 Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi . - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan di dan ke
- tarikh
- angka pengalihan dengan atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa
 (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak Perlu diperiksa
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
Pengenalan/Pendahuluan											2
Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Maksimum											20

(b) Bahasa [10 markah*]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18-20	9-10	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
	15-17	7-9	
Sederhana	12-14	6-7	<ul style="list-style-type: none"> - Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan memuaskan
	8-11	4-6	
Lemah	1-7	1-4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika markah bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah untuk bahasa.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, maksimum : 10 markah]

PANDUAN ISI MERUMUSKAN KARANGAN**Pendahuluan****Markah**

Petikan membincangkan **sebab-sebab/faktor-faktor** wujudnya masalah pengangguran dalam kalangan siswazah di Malaysia/ di negara ini.

2

Petikan membincangkan masalah pengangguran yang serius dalam kalangan siswazah di Malaysia.

2

Petikan membincangkan punca-punca wujudnya masalah pengangguran dalam kalangan siswazah.

0

Petikan membincangkan punca-punca pengangguran dalam kalangan siswazah dan kesan-kesannya terhadap negara.

0

Isi Tersurat (Punca-punca pengangguran dalam kalangan siswazah)

1. Siswazah bersikap terlalu memilih kerjaya. 2
2. Interpretasi siswazah yang terlalu tinggi terhadap prasarana kerja. 2
3. Siswazah tidak optimistik. (dalam memilih bidang kerjaya) 2
4. Majikan sangsi terhadap kebolehan siswazah. 2
5. Siswazah tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi secara berkesan. 2
6. Siswazah IPT tempatan tidak menguasai bahasa kedua. 2
7. Siswazah baharu sukar diserap ke alam pekerjaan kerana tiada kekosongan jawatan. 2
8. IPT kurang menawarkan kursus yang dikehendaki oleh pasaran kerja. 2
9. Pembangunan teknologi tinggi mengambil alih tugas manusia. 2
10. Kemasukan pakar asing dari luar negara untuk bekerja di Malaysia. 2

Isi Tersirat (Kesan pengangguran)

1. Siswazah tidak mampu membayar pinjaman pengajian. 2
2. Masalah sosial/jenayah akan meningkat. 2
3. Negara mengalami kerugian/Pembaziran guna tenaga 2
4. Imej negara terjejas. 2
5. Siswazah mengalami tekanan jiwa/stres. 2
6. Siswazah menjadi beban kepada ahli keluarga. 2
7. IPT tempatan tidak akan menjadi pilihan utama/tidak dipercayai oleh pelajar asing. 2
8. Kursus-kursus yang tidak relevan dengan pasaran kerjaya tidak menjadi pilihan/popular. 2
9. Menambahkan kadar kemiskinan/menurunkan taraf hidup 2
10. Melambatkan proses pembangunan negara. 2
11. Lambakan graduan setiap tahun. 2

Kesimpulan

Kesimpulannya, para siswazah perlu melengkapkan diri dengan keterampilan dan personaliti yang hebat agar mudah diterima dalam pasaran kerja.

2

Kesimpulannya, semua pihak mestilah berganding bahu menangani masalah pengangguran supaya siswazah dapat memberi sumbangan kepada negara.

2

Soalan 2 : Pemahaman

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada :

- Soalan 2 (a) : 9 markah
- Soalan 2 (b) : 9 markah
- Soalan 2 (c) : 8 markah
- Soalan 2 (d) : 9 markah

PANDUAN PEMARKAHAN

Perhatian bagi soalan 2(a) hingga 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang sempurna/lengkap**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **tepat/betul**, berikan **separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.
4. Jawapan bagi soalan 2(b) - 2(d) mestilah berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu yang ditetapkan.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

Soalan 2 markah

- jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2 m
- jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1 m
- jawapan tidak tepat/salah	0 m

Soalan 3 markah

-isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3 m
-isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2 m
-isi tidak cukup/isi kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2 m
-isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1 m
-isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas	0 m

Soalan 4 markah

-isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4 m
-isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3 m
-isi tidak cukup/isi kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2 m
-isi kurang lengkap /isi kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1 m
-isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas	0 m

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2 (a) – Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *menilai potensi diri...*
- menentukan/ menghargai keupayaan/kebolehan/kemampuan/kekuatan seseorang/ individu 2 m
- (2m)**
- (ii) Langkah yang perlu diambil oleh siswazah bagi mengatasi masalah pengangguran...
- menilai potensi diri sebelum berusaha mendapatkan kerja 1m
 - menguasai teori 1m
 - menguasai praktikal bidang yang diambil di universiti 1m
 - meningkatkan kualiti diri yang dapat menyakinkan panel temu duga 1m
- (3m)**
- (ii) Peranan pelbagai pihak untuk menangani masalah pengangguran siswazah...
- Siswazah**
- Memilih kursus yang sesuai 1m
 - Bekerja sendiri/Berniaga/Bertani 1m
- Ibu bapa**
- Menyediakan modal untuk anak-anak memulakan perniagaan 1m
- Kerajaan**
- Menganjurkan kursus dalam pelbagai bidang(keusahawanan) 1m
- IPT**
- Menawarkan kursus mengikut keperluan semasa 1m
 - Menekankan aspek amali 1m
- Institusi kewangan**
- Melonggarkan/Memudahkan syarat pinjaman 1m
- *Calon mengemukakan sekurang-kurangnya peranan **dua pihak**
- (4m)**

Sóalan 2 (b) – Petikan Prosa Moden

- (i) **Dua alasan** Daneng menolak pujukan Cikgu Jo...
- Lebih baik/ sesuai dia tinggal di tempat itu 1m
 - Nenek moyangnya disemadikan di tempat itu 1m
 - Jiwanya terikat pada pohon tualang/bukit-bukit/pohon-pohon 1m
 - Menghidu udara segar di hutan/menikmati udara segar 1m
 - Sudah sebatu menjalankan aktiviti di hutan seperti memanjat pokok/mendaki gunung/ menurunkan lurah/ memetik buah-buahan hutan/ memancing ikan 1m
 - Mendambakan/keinginan meneruskan kehidupan di hutan 1m
- (2m)**
- (ii) Jika Daneng enggan menerima nasihat Cikgu Jo...
- Daneng akan terus hidup dalam kemiskinan 1m
 - Daneng akan keciciran dalam pelajaran 1m
 - Dia tidak dapat mengembangkan bakat /potensi 1m
 - Tidak dapat berbakti kepada masyarakat Orang Asli 1m
 - Hubungan antara Daneng dengan Cikgu Jo akan renggang 1m
- (3m)**
- (iii) Satu nilai dalam petikan
- | Nilai(1m) | Contoh(1m) | |
|------------------|--|-----|
| - Tanggungjawab | Cikgu Jo bertanggungjawab memujuk Daneng supaya meneruskan pelajarannya. | 2 m |
| - Kegigihan | Cikgu Jo gigih memujuk Daneng supaya meneruskan pelajarannya | 2m |
| - Ketegasan | Daneng tegas dengan pendiriannya untuk tidak meneruskan pelajarannya | 2m |
| - Keprihatinan | Cikgu Jo prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh anak muridnya | 2m |
- (2m)**
- Satu nilai dalam keseluruhan cerpen
- | Nilai(1m) | Contoh(1m) | |
|---|---|-----|
| - kepintaran/
kepandaian/
kebijaksanaan | Daneng mendapat keputusan yang cemerlang dalam PMR dan berjaya terpilih ke sekolah berasrama. | 2 m |
| - Mengenang jasa | Daneng sentiasa berterima kasih kepada Cikgu Jo kerana telah mendorongnya untuk berjaya | 2m |
| - Cinta akan alam sekitar | Daneng ingin menjaga hutan dan sanggup meninggalkan alam persekolahan. | 2m |
| - Hormat-menghormati orang tua | Daneng menghormati Cikgu Jo | 2m |
| - Merendah diri | Daneng melarang Cikgu Jo memanggilnya Datuk | 2m |
- (4m)**

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional(i) maksud *pekerti tuan hamba demikian...*

- Perangai/tingkah laku/perlakuan/sikap Saidah begini/ seperti ini

2m

(2m)

(ii) Aduan Saidah kepada Jibor...

- Sabor memegang tangan Saidah (ketika dia hendak ke bilik air)
- Sabor menghunus jambiahnya
- Sabor hendak menikam Saidah
- Sabor ingin mencabuli Saidah
- Saidah tidak mahu menuruti kehendak Sabor
- Saidah lebih rela mati daripada curang terhadap Jibor

1m

1m

1m

1m

1m

1m

(3m)

(iii) Kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya perbuatan memfitnah berleluasa dalam Masyarakat...

- Orang yang tidak bersalah/baik akan menjadi mangsa fitnah
- Hubungan antara manusia semakin renggang
- Masyarakat akan menjadi huru-hara kerana tersebarnya fitnah
- Permusuhan dalam kalangan masyarakat akan berleluasa
- Usaha memajukan negara terbantut kerana keamanan tergugat
- Saman-menyaman semakin berleluasa

1m

1m

1m

1m

1m

1m

(3m)

Soalan 2 (d) - Petikan Sajak

(i) Maksud rangkap kedua ...

- perasaan tidak sabar semakin memuncak
- sikap sombong yang menguasai diri
- terlalu emosional / sensitif
- mudah bosan

1 m

1 m

1 m

1 m

(3m)

(ii) Punca-punca lain kesesakan jalan raya...

- bencana alam / hakisan tanah / banjir kilat
- kerosakan jalan raya / jalan sempit
- bilangan kenderaan bertambah pada waktu puncak
- sistem lalu lintas tidak terancang / sistematik
- terdapat sekatan jalan raya oleh pihak berkuasa
- terdapat halangan jalan raya disebabkan pembinaan atau kemalangan

1 m

1 m

1 m

1 m

1 m

1 m

(3m)

- (iii) Tiga persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut
- sikap negatif pengguna jalan raya / sikap mementingkan diri sendiri/ sombong/ biadab 1 m
 - kesesakan lalu lintas 1 m
 - jalan raya menjadi gelanggang perlumbaan 1 m
 - nilai kemanusiaan semakin terhakis 1 m
 - warga kota yang tidak mematuhi peraturan jalan raya 1 m
 - perasaan pengguna jalan raya 1 m
- (3m)**

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada :

- Soalan 3(a) : 6 markah
- Soalan 3(b) : 6 markah
- Soalan 3(c) : 6 markah
- Soalan 3(d) : 6 markah
- Soalan 3(e) : 6 markah

Soalan 3(a) – Membina ayat**Peraturan**

1. Beri 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa berkenaan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Jika memberi makna dan tepat, berikan markah penuh – 1 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur ayat cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak begitu jelas, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
10. Isi tidak logik, berikan 0 markah.
11. Sengaja meninggalkan/menambah/mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah.

Soalan 3 (a) - Morfologi**Perkataan Yang Diuji & Makna**

- (i) medan tanah lapang, padang.
 kawasan yang terhad.
 arena, kalangan, kawasan, lapangan, lingkungan
- (ii) mentah belum masak (buah-buahan dll), masih muda;
 tidak masak betul (barang yg dimasak): *nasi yg dimasaknya ~*;
 belum dimasak atau direbus (barang makanan), tidak dimasak: *rojak biasanya dibuat drpd sayur-sayuran ~*;
 belum sempurna atau mendapat keputusan (mesyuarat, perundingan, dll);
 belum diolah atau dikerjakan (bahan galian dll), belum diproses (utk dijadikan barang yg lebih sempurna dsb): *ekonomi negeri kita bergantung pd pengeluaran dan bahan ~, getah dan bijih timah*;

- (iii) mendung awan yg mengandungi hujan: ~ *di hulu tanda akan hujan, terang di langit tanda akan panas;*
 redup (kerana dilindungi awan): *hari ~;*
 muram (air muka), suram: ~ *kelihatan air mukanya*

Soalan 3(b) - Sintaksis (Jenis-jenis kata kerja)

- (i) dinikahkan - kata kerja pasif
 (ii) pulang - kata kerja tak transitif
 (iii) berlatarbelakangkan - kata kerja majmuk
 (iv) teringat-ingat - kata kerja berganda
 (v) berkuat kuasa - kata kerja majmuk
 (vi) membukukan - kata kerja transitif

Soalan 3 (c) – Ejaan dan imbuhan

- (i) catit - catat
 perincian - terperinci
 (ii) pegelangan - pergelangan
 di tetak - ditetak
 (iii) akedemik - akademik
 menyedia - menyediakan

Soalan 3 (d) – Kata/istilah dan bahasa

- (i) melihat - menonton
 tomato sos - sos tomato
 (ii) Kebanjiran pendatang- - kebanjiran pendatang
 pendatang - mendadak
 mengejut
 (iii) besar - berat
 di - pada

Soalan 3 (e) - Peribahasa

- (i) buah tangan - hadiah atau sesuatu benda yang dibawa ketika melawat
- (ii) seperti pahat dengan penukul - orang yang hanya bekerja apabila diperintah (disuruh)
- (iii) kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya - tidak akan tercapai cita-cita jika tidak berusaha kuat

Soalan 4 : Novel

Markah penuh 15 dibahagikan kepada:

4(a) 7 markah

4(b) 8 markah

Panduan Pemarkahan bagi Soalan 4

(a) *Dua peristiwa yang menimbulkan tanda tanya...*

- (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Pernyataan disokong oleh contoh yang munasabah.
- (iv) Berikan 1 markah untuk pernyataan peristiwa yang menimbulkan tanda tanya, 1 markah untuk huraian /contoh yang tepat berkaitan novel yang dikaji.
- (v) Markah maksimum untuk isi ialah 4 markah dan markah maksimum untuk bahasa ialah 3 markah berdasarkan ciri-ciri berikut:
 - 3 – Baik
 - 2 – Sederhana
 - 1 – Lemah
- (vi) Pernyataan dua peristiwa yang betul & contoh betul - 2 markah
 Pernyataan dua peristiwa yang betul tetapi contoh salah - 1 markah
 Pernyataan dua peristiwa yang salah tetapi contoh betul - 0 markah
- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

Markah maksimum 7 markah

(b) *Usaha-usaha yang menunjukkan watak-watak saling membantu dalam menyelesaikan masalah...*

- (i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk usaha yang tepat.
- (iv) Berikan 2 markah untuk huraian atau contoh usaha yang sesuai berdasarkan novel.
- (v) Markah maksimum untuk isi ialah 6 markah dan markah maksimum untuk bahasa ialah 2 markah (*secara impression*).
 Markah maksimum : 8 markah
 Usaha betul & contoh/bukti usaha betul - 2 markah
 Usaha betul tetapi contoh/bukti usaha salah - 1 markah
 Usaha salah tetapi contoh/bukti usaha betul - 0 markah
- (vi) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (vii) Calon tidak menjawab 0 markah.

Markah maksimum 8 markah

4(a) Dua peristiwa yang menimbulkan tanda tanya

Novel	Peristiwa	Alasan
Di Hadapan Pulau	<p>Peristiwa Aziz ingin/bercita-cita pergi ke pulau yang ada di hadapannya.</p> <p>Peristiwa askar Jepun menahan Rosiah, Taksiah dan Wan Rohani.</p> <p>Kematian Tuk Marzuki akibat terkena bom.</p> <p>Peristiwa Aziz dan Afidah pergi mencari makanan di kubu lama.</p>	<p>Pembaca akan tertanya-tanya adakah Aziz akan berjaya sampai ke pulau tersebut.</p> <p>Dianggap saspens kerana pembaca akan tertanya-tanya apakah yang akan berlaku kepada mereka semasa dalam tahanan tentera Jepun?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya apakah yang akan terjadi kepada cucunya, Afidah?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya adakah terdapat makanan di sana?</p>
Putera Gunung Tahan	<p>Tuan Robert dan Tuan William mendaki Gunung Tahan dalam keadaan cuaca buruk, iaitu hujan lebat turun selama tujuh hari.</p> <p>Kapal terbang pengebom Inggeris datang untuk mengebom puncak Gunung Tahan.</p> <p>Tuan Robert hendak berkahwin dengan gadis Sakai.</p> <p>Tuan William menulis surat kepada ketuanya di London.</p>	<p>Pembaca akan tertanya-tanya akan kemungkinan buruk yang akan berlaku kepada mereka?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya apa yang akan berlaku selepas pengeboman itu?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya, apakah yang akan berlaku kepada Tuan Robert kerana gadis Sakai itu tidak mahu berkahwin dengan Tuan Robert?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya, apakah tindakan yang akan dilakukan oleh penjajah Inggeris setelah mendapat maklumat daripada Tuan William?</p>

Novel	Peristiwa	Alasan
Perlumbaan Kedua	<p>Peristiwa sang kancil mencari suku kura-kura untuk mengajak berlumba dengan sang arnab putih.</p> <p>Peristiwa tuk kura memilih lereng bukit sebagai tempat perlumbaan.</p> <p>Peristiwa tuk kura menghilangkan diri setelah didera oleh suku-sakatnya sendiri.</p> <p>Peristiwa pada hari perlumbaan antara tuk kura dengan sang arnab putih.</p>	<p>Pembaca akan tertanya-tanya adakah suku sang kura-kura berani berlumba dengan sang arnab yang terkenal pantas berlari?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya apakah tujuan tuk kura memilih lereng bukit?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya apakah yang berlaku kepada tuk kura?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya mampukah tuk kura mempertahankan kemenangan dalam perlumbaan yang pertama dahulu?</p>
Julia	<p>Julia mengambil alih perniagaan yang ditinggalkan oleh bapanya yang sedang mengalami kemerosotan.</p> <p>Julia jatuh cinta kepada Jun dan mula menjalin hubungan erat selepas kematian abah dan mama.</p> <p>Syed Mustaffa datang ke pejabat dan menuntut supaya Butik BMPRO Sdn. Bhd. diserahkan kepadanya.</p> <p>Encik Baharom marah kepada Julia kerana melantik Datuk Jalani bagi membantu memulihkan BMPRO Transport yang telah mengalami kerugian akibat daripada penyelewengan yang dilakukan oleh pihak pengurusan.</p>	<p>Pembaca akan tertanya-tanya, berjayakah Julia menyelamatkan BMPRO Holding Sdn. Bhd. yang terjejas teruk akibat jerebu dan kegawatan ekonomi?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya kerana antara dua remaja ini terdapat perbezaan agama dan bilakah Jun akan memeluk agama Islam?</p> <p>Pembaca bimbang akan kebolehan Julia menangani masalah tersebut kerana Syed Mustaffa panas baran orangnya.</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya, mampukan Julia berhujah dengan Encik Baharom yang jauh lebih berpengalaman daripadanya dalam bidang perniagaan ?</p>

Novel	Peristiwa	Alasan
Terminal Tiga	<p>Rimpa terkandas di lapangan terbang kerana penerbangan ditangguhkan akibat jerubu.</p> <p>Ayah Rimpa menghilangkan diri selama 10 tahun.</p> <p>Rimpa melanjutkan pelajaran di Kuala Lumpur, tetapi sahabatnya Ruzaini tidak bersetuju dengan tindakan Rimpa itu.</p> <p>Rimpa memohon bantuan kewangan dengan pertolongan Bang Maily.</p>	<p>Pembaca akan tertanya-tanya sampai bilakah penerbangan itu akan ditunda?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya adakah ayah Rimpa masih hidup?</p> <p>Pembaca akan tertanya adakah hubungan kedua-dua sahabat itu akan putus?</p> <p>Pembaca akan tertanya adakah permohonan Rimpa itu akan berjaya?</p>
Seteguh Karang	<p>Awanis menunggang motosikal yang tiada brek di jalan yang berbukit-bukit dan berlopak-lopak semasa melawat ladang.</p> <p>Awanis menjatuhkan setandan kelapa sawit setelah dicabar oleh Encik Johari.</p> <p>Awanis pulang ke Ipoh setelah mengetahui bahawa Anita telah lari dari rumah setelah bergaduh dengan kak Maysarah.</p> <p>Awanis membawa Anita perti ke rumah Encik Lee, bapa kandung Anita</p>	<p>Pembaca akan tertanya-tanya kemungkinan bahaya yang akan menimpa Awanis kerana Awanis tidak berpengalaman menunggang motosikal.</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya, berjayakah Awanis menjatuhkan setandan kelapa sawit itu?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya kemana perginya Anita? Mampukah Awanis menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Anita?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya, tentang perkara yang akan berlaku kepada Anita. Mungkinkah En. Lee akan menerima Anita?</p>

Novel	Peristiwa	Alasan
Bukit Kepong	<p>Othman menghadiri temu duga pengambilan anggota polis.</p> <p>200 orang pengganas komunis menyerang Rumah Pasung Bukit Kepong.</p> <p>Othman yang cedera terjun ke dalam sungai Muar untuk menyelamatkan diri.</p> <p>Limah menjadi gila selepas mendapat berita kematian Othman.</p>	<p>Pembaca akan tertanya-tanya adakah Othman akan berjaya dalam temu duga tersebut?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya mampukan 18 anggota komunis mempertahankan rumah pasung daripada serangan pengganas komunis.</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya adakah Othman akan selamat?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya adakah ingatan Limah akan dapat dipulihkan semula?</p>
Konserto Terakhir	<p>Kemunculan Hilmi di rumah Datuk Johari untuk mencari pekerjaan.</p> <p>Datin Salmah berang apabila mendapati piano Hayati telah rosak.</p> <p>Hilmi tidak hadir untuk mengetuai pertunjukan Orkes Perdana RTM.</p> <p>Abang Karim membuka rahsia bahawa Hilmi adalah anak kandung Datuk Johari.</p>	<p>Pembaca akan tertanya-tanya bagaimanakah layanan keluarga Datuk Johari terhadap Hilmi yang hanya seorang budak kampung?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya apakah tindakan yang akan diambil oleh Datin Salmah terhadap Hilmi yang telah bermain piano Hayati semasa mereka bercuti ke luar negara?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya mengapa Hilmi tidak hadir sedangkan itulah konsert yang diimpikan?</p> <p>Pembaca akan tertanya-tanya apakah perkara yang hendak diberitahu oleh abang Karim dan bagaimanakah reaksi Datuk Johari?</p>

4(b) Peristiwa yang menunjukkan usaha watak-watak saling membantu dalam menyelesaikan masalah

Novel	Pernyataan	Huraian
Bukit Kepong	Membantu menentang komunis	Penghulu Ali bersama-sama orang Kampung membantu anggota polis semasa serangan komunis
	Membantu mempertahankan balai polis	Timah Lawa sama membantu mengangkat senjata menentang komunis
Konsert Terakhir	Membantu mencungkil bakat	Pak Bakar membantu mengajar muzik kepada Hilmi sehingga berjaya
	Membantu menjayakan orkestra	Hayati membantu Hilmi untuk meneruskan Orkestra Perdana kerana Hilmi terlantar sakit pada ketika itu.
Putera Gunung Tahan	Membantu orang yang sedang sakit	Orang sakai membantu perempuan tua yang ditinggalkan keseorangan didalam hutan ketika mahu melahirkan anak.
	Membantu memerangkap musuh	Kusina membantu Ratu Bongsu memerangkap tuan William dengan menguncinya di dalam bilik khazanah
	Membantu sebagai petunjuk jalan	Ali dan Awang membantu Tuan William dan Tuan Robert untuk menunjukkan jalan ke puncak gunung Tahan
Di Hadapan Pulau	Membantu membina shelter	Syed Fikri bersama-sama penduduk Kampung bantu membantu membina shelter sebagai tempat perlindungan.
	Membantu mencari bekalan makanan	Afidah dan Aziz saling membantu mencari rezeki hingga ke kawasan Kubu Lama.
	Membantu Jiran	Mat Ketong memelihara Afidah ketika Tuk Marzuki pergi ke Merlimau
Seteguh Karang	Membantu menyelesaikan masalah tempat tinggal	Kak Nor menolong Awanis menyelesaikan masalah tempat tinggal Awanis dengan menunpangkan Awanis dirumahnya sepanjang Awanis menjalani praktikal.
	Membantu menyelesaikan masalah keluarga	Pak Oni sanggup memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga setelah Awanis kehilangan ibu bapanya.
	Membantu mencari ibu kandung	Awanis sanggup memendekkan tempoh praktikalnya di Paka Hulu Terengganu kerana ingin menolong mencari ibu bapa kandung adik angkatnya Anita.

Terminal Tiga	Membantu menyelesaikan masalah keluarga	Bang Maily sanggup bersusah payah menolong Rimpa mendapatkan biasiswa dari Jabatan belia Negeri Sabah
	Membantu menjaga keluarga	Ruzaini membantu Rimpa menjaga kebajikan ibu dan adiknya di kampung, semasa Rimpa meneruskan pelajarannya di ASK.

Julia	Membantu untuk mengembangkan perniagaan	Jun membantu Julia menerokai perniagaan homestay di Kedah
	Membantu mengendalikan perniagaan	Pegawai-pegawai di syarikat BMPRO (En Hashim) membantu Julia mengendalikan perniagaan pada peringkat awal kematian ayahnya.
	Membantu menyelesaikan masalah yang berlaku dalam syarikat	Geena membantu Julia dengan bersama-sama menaiki bas dari K.L ke Banting bagi mengetahui masalah sebenar dalam BMPRO Transport
Perlumbaan kedua	Membantu mencari kelemahan pihak lawan	Sang Tedung mengintip sesi latihan kaum kura-kura di tempat yang tersembunyi dan kemudian memberitahu hal tersebut kepada Sang Arnab
	Membantu mengeluarkan/menghebahkan pertandingan	Sang murai menguar-guarakan pertandingan ke seluruh pelosok hutan untuk memastikan semua binatang hadir semasa syarat-syarat pertandingan dibacakan/diperdengarkan.
	Membantu mencari wakil menyelesaikan pertandingan	Semua suku sakit kaum kura-kura menghantar wakil masing-masing ke sesi latihan, untuk memastikan yang terbaik mewakili kaum kura-kura.